

# ASAS PEMBENTUKAN



Cetakan Pertama Disember 2004

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Asas pembentukan sekolah lestari

ISBN 983-41388-0-6

1. School management and organisation--Malaysia. 2. Education--Malaysia--Management. I. Malaysia. Jabatan Alam Sekitar  
371.2009595

Diterbitkan oleh:

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

dengan kerjasama

Kementerian Pelajaran Malaysia

dan

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Disunting oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur

Dicetak oleh:

Malindo Printers Sdn. Bhd.

Lot 3, Jalan Ragum, Seksyen 15/17

40000 Shah Alam, Selangor

# KANDUNGAN

## Muka Surat

KATAALU-ALUAN	
1. LATAR BELAKANG	6
2. HASRAT SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	7
3. KONSEP SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	7
4. DEFINISI SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	8
5. OBJEKTIF SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	8
6. KOMPONEN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	11
6.1 PENGURUSAN	12
6.2 KURIKULUM	14
6.3 KOKURIKULUM	14
6.4 PENGHIJAUAN	14
7. PELAKSANAAN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	18
7.1 SISTEM SOKONGAN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	18
7.2 PENDEKATAN PELAKSANAAN DI PERINGKAT SEKOLAH	18
8. PENSIJILAN DAN PENGANUGERAHAN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	18
9. JAWATANKUASA KERJA PENYEDIAAN BUKU ASAS PEMBENTUKAN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	21
10. KELESTARIAN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	23
<b>SENARAI RAJAH</b>	
RAJAH 1 : SEKOLAH LESTARI DAN INTERAKSINYA DENGAN PELBAGAI PIHAK	9
RAJAH 2 : SEKOLAH LESTARI SEBAGAI PAYUNG PELBAGAI AKTIVITI ALAM SEKITAR	10
RAJAH 3 : CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PERINGKAT KEBANGSAAN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR	19
RAJAH 4 : CARTA ALIR PELAKSANAAN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR DI PERINGKAT SEKOLAH	20
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	23
LAMPIRAN 1 : PRINSIP-PRINSIP PEMBANGUNAN MAMPAN	24
LAMPIRAN 2 : NILAI-NILAI MURNI ALAM SEKITAR	30
LAMPIRAN 3 : BAHAN PENERBITAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR	33
LAMPIRAN 4 : AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR UNTUK PELAJAR SEKOLAH	38
LAMPIRAN 5 : TARIKH DAN ACARA SAMBUTAN ALAM SEKITAR	42
LAMPIRAN 6 : IKRAR ALAM SEKITAR	43
LAMPIRAN 7 : SENARAI ALAMAT JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI	44
LAMPIRAN 8 : KOMPONEN & PENUNJUK BOLEH UKUR	46

# Kata Mu-Aman

## Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia



Selaras dengan Dasar Alam Sekitar, Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa menganjurkan pelbagai program pendidikan dan kesedaran alam sekitar demi menyemai nilai murni alam sekitar pada masyarakat umum. Warga sekolah telah dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran utama bagi tujuan ini memandangkan golongan ini adalah generasi muda bakal pemimpin di masa hadapan. Menyedari hakikat ini, Jabatan Alam Sekitar telah memperkenalkan program khusus untuk pelajar sekolah yang lebih bersifat tidak formal seperti Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS), Projek Wira Alam, Projek Riadah Alam Sekitar (PRIAS) dan lain-lain lagi.

Pendidikan Alam Sekitar secara formal telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia secara merentas kurikulum dan disepadukan dalam semua mata pelajaran yang diajar. Melalui pendekatan ini, elemen pendidikan alam sekitar dapat diterapkan di kalangan pelajar secara tidak langsung dengan mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai alam sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan sekolah sebagai pusat kecemerlangan alam sekitar, Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar diperkenalkan bertujuan untuk membentuk satu persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dari aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan di sekolah. Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti-aktiviti sekolah lestari akan memberi peluang kepada mereka untuk mengamalkan ciri-ciri mesra alam di persekitaran rumah, masyarakat dan negara.

Usaha ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan ke arah Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan masyarakat yang mementingkan kualiti alam sekitar. Diharapkan program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar akan memperkasakan sekolah sebagai pemangkin kepada proses pembentukan generasi yang bertanggungjawab dan sayangkan alam sekitar.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB. Dato' Seri Law Hieng Ding, bekas Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di atas usaha dan inisiatif beliau dalam memulakan program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar

Selamat Maju Jaya.

**KE ARAH KELESTARIAN NEGARA**

**(DATO SRI HAJI ADENAN HAJI SATEM)**

# Kata Mu-Aman

## Menteri Pelajaran Malaysia



Pendidikan Alam Sekitar merupakan satu proses pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar. Proses ini adalah untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana manusia mengurus alam sekitar dengan penuh tanggungjawab demi kesejahteraan manusia. Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengorak langkah yang lebih progresif dengan memberi penekanan terhadap Pendidikan Alam Sekitar di peringkat sekolah. Penerapan nilai murni alam sekitar dilaksanakan bukan sahaja melalui proses pengajaran di bilik darjah tetapi juga melalui penglibatan pelajar secara aktif dalam kegiatan kokurikulum sekolah.

Di maktab perguruan pula, Kementerian Pelajaran melaksanakan pelbagai program Pendidikan Alam Sekitar bagi melengkapkan bakal guru dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni alam sekitar. Selain itu, program ini juga diharap dapat membangkitkan kesedaran dan sensitiviti tentang isu-isu alam sekitar. Peranan dan penglibatan mereka amatlah penting dalam mendidik pelajar di sekolah yang merupakan pewaris alam sekitar.

Saya menyambut baik langkah Jabatan Alam Sekitar memperkenalkan program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar untuk mewujudkan sekolah yang membudayakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Pendekatan menyeluruh ini melibatkan perancangan dan penglibatan semua warga sekolah. Pelaksanaan program Pendidikan Alam Sekitar yang sedia ada di sekolah dapat diintegrasikan dan diperkukuhkan. Besarlah harapan saya agar Kementerian Pelajaran dapat menjadikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia akan tercapai seiring dengan menjadikan sekolah sebagai institusi yang mengembang kepada pembentukan masyarakat yang cintakan alam sekitar.



(DATO' SRI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN)

# ASAS PEMBENTUKAN SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR

## 1. LATAR BELAKANG

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar adalah program yang dicetuskan semasa Simposium Pendidikan Alam Sekitar untuk Pengetua-Pengetua Sekolah Peringkat Kebangsaan pada 27-30 Ogos 2001 di Melaka, yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) dengan kerjasama Maktab Perguruan Teknik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pihak JAS/MOSTE dan KPM telah merangka draf Garis Panduan ke Arah Pembentukan Sekolah Lestari dan draf ini telah dimurnikan dalam beberapa bengkel yang mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak iaitu agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan.

Dokumen ini bertujuan membantu sekolah memperkukuhkan proses pelaksanaan pendidikan alam sekitar yang sedia ada. Melalui program ini, elemen pendidikan alam sekitar dapat diterapkan pada kalangan guru dan pelajar secara langsung dan komuniti setempat secara tidak langsung dengan mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni alam sekitar dalam kurikulum dan kokurikulum.

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar memberi peluang kepada mereka untuk mengamal, menghayati dan membudayakan ciri-ciri mesra alam di persekitaran sekolah, rumah, komuniti setempat, masyarakat dan akhirnya di peringkat negara.

## **2. HASRAT SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar adalah suatu usaha bagi melaksanakan **Dasar Alam Sekitar Negara**. Dasar Alam Sekitar Negara mempunyai lapan prinsip dan tujuh strategi hijau. Strategi Hijau pertama memfokuskan aspek pendidikan dan kesedaran yang memberi kefahaman tentang konsep kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari, selaras dengan prinsip-prinsip Pembangunan Mampan dalam Agenda 21, RIO (Lampiran 1).

Pendidikan dan kesedaran terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar memerlukan pengetahuan, kefahaman, perubahan sikap dan penyertaan masyarakat. Perkara ini perlu dipupuk seawal mungkin kerana ia akan menjadi faktor penentu ke arah amalan cara hidup yang mesra alam pada masa akan datang. Satu cara yang berkesan untuk memupuk kesedaran tentang alam sekitar adalah melalui institusi pendidikan terutamanya sekolah.

Dalam usaha pembentukan sekolah mesra alam yang layak bergelar Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar, tumpuan perlu diberi kepada empat komponen berikut:

- Pengurusan
- Kurikulum
- Kokurikulum
- Penghijauan

## **3. KONSEP SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar berkonsepkan pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan

(Rajah 1). Konsep ini juga menitikberatkan pendekatan bersepadu dalam pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan di sekolah. Sekolah Lestari adalah payung pelbagai aktiviti alam sekitar yang sedang dan akan dilaksanakan (Rajah 2). Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar merupakan pusat pembelajaran dan pengajaran yang dapat mempengaruhi warga sekolah dan masyarakat ke arah kehidupan yang lestari.

#### **4. DEFINISI SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar membudayakan pendidikan alam sekitar dengan menerapkan nilai murni alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan secara berterusan bagi mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari.

Definisi Pendidikan Alam Sekitar ialah:

*“pembelajaran untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana alam sekitar diuruskan dengan bijaksana dan bertanggungjawab ke arah kelestarian hidupan di bumi. Proses ini melibatkan pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar”.*


#### **5. OBJEKTIF SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar dibentuk bagi mencapai objektif berikut:

- a. memupuk nilai murni alam sekitar pada kalangan warga sekolah;
- b. meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar;

**RAJAH 1**

**SEKOLAH LESTARI -ANUGERAH ALAM SEKITAR DAN INTERAKSI NYA DENGAN PELBAGAI PIHAK**



**SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR  
SEBAGAI PAYUNG PELBAGAI AKTIVITI ALAM SEKITAR**



*Nota : Aktiviti Alam Sekitar yang sedang dilaksanakan di sekolah  
(Lampiran 4)*

- c. menggalakkan warga sekolah melaksanakan aktiviti mesra alam dengan berkesan;
- d. meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar; dan
- e. mewujudkan suasana sekolah yang kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang mempraktikkan amalan hidup lestari.

## **6. KOMPONEN SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar merangkumi empat komponen, iaitu:

- 6.1 Pengurusan
- 6.2 Kurikulum
- 6.3 Kokurikulum
- 6.4 Penghijauan



Mesyuarat di antara pihak sekolah dan agensi luar untuk mempromosikan aktiviti alam sekitar di sekolah.

## 6.1 PENGURUSAN

Pengetua/Guru Besar memainkan peranan penting sebagai penggerak utama dalam pembentukan dan pengurusan ke arah Sekolah Lestari. Ini melibatkan perancangan, pembentukan strategi, pelaksanaan pelan tindakan, pemantauan, penilaian dan penyemakan semula.

Kerjasama sekolah dengan pelbagai pihak seperti Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), bekas pelajar, masyarakat setempat, agensi kerajaan



*Contoh Taman Herba*



*Sudut Kitar Semula*



Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum KBSR, Kementerian Pendidikan Malaysia



Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum KBSM, Kementerian Pendidikan Malaysia

dan badan bukan kerajaan adalah perlu untuk menjayakan aktiviti Sekolah Lestari. Aktiviti ini dilaksanakan di seluruh kawasan sekolah seperti pejabat, bilik guru, makmal, bengkel, kantin, tandas, tempat pelupusan sampah dan kawasan lapang. Amalan 5R (**Rethink, Repair, Reduce, Reuse and Recycle**, iaitu fikir semula, baik pulih, kurangkan, guna semula dan kitar semula) diutamakan dalam konteks ini.



## 6.2 KURIKULUM

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menekankan penerapan pendidikan alam sekitar merentas kurikulum. Unsur *tentang, melalui dan untuk* alam sekitar serta nilai murni alam sekitar (Lampiran 2) diterap dengan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam semua mata pelajaran di sekolah.



## 6.3 KOKURIKULUM

Kokurikulum sekolah melibatkan tiga komponen berikut:

- unit beruniform;
- kelab / persatuan; dan
- sukan / permainan.

Komitmen dan kreativiti warga sekolah dalam aktiviti kokurikulum diperlukan untuk meningkatkan amalan hidup lestari.



## 6.4 PENGHIJAUAN

Penghijauan menekankan inisiatif untuk meningkatkan mutu persekitaran dan menjadi pelengkap kepada program keceriaan sekolah yang sedang dilaksanakan. Penghijauan tidak terhad kepada aktiviti menanam pokok sahaja tetapi juga merangkumi amalan penjimatan elektrik dan air, pengurusan sampah, penggunaan dan pengitaran semula sesuatu sumber dengan bijaksana.



Permainan Alam Sekitar 'Kembara Si Buta' : Pelajar Menghayati Alam Sekitar Dengan Deria Sentuh



Pameran Alam Sekitar




Para Pelajar Menyiapkan Poster untuk Kempen Kesedaran Alam Sekitar



Aktiviti Gotong Royong di Sekolah



Mesej Alam Sekitar Disebar Semasa Perhimpunan Sekolah



Bacaan Berkaitan Alam Sekitar di Meja Makan Kantin Sekolah



Mesej 'Hormatilah Alam Sekitar Kita' di Kawasan Sekolah



Pelajar Membuat Baja Kompos



Stesen Pembelajaran Kaji Cuaca yang Diwujudkan dalam Pendidikan Alam Sekitar

## **7. PELAKSANAAN PROGRAM SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Pelaksanaan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar adalah diselaraskan oleh Jawatankuasa Pemandu yang dibantu oleh Jawatankuasa Penyelaras dan Jawatankuasa Kerja seperti di Rajah 3.

### **7.1 SISTEM SOKONGAN SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Pelaksanaan Sekolah Lestari memerlukan satu sistem yang mantap bagi memastikan ianya berjalan lancar. Enam perkara penting yang akan diberi perhatian adalah:

- Sumber Manusia
- Infrastruktur
- Latihan
- Promosi
- Kewangan
- Bahan Rujukan


### **7.2 PENDEKATAN PELAKSANAAN DI PERINGKAT SEKOLAH**

Pelaksanaan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar di peringkat sekolah adalah seperti di Rajah 4.

## **8 PENSIJILAN DAN PENGANUGERAHAN SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**


Penilaian Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar dilakukan di peringkat negeri, di mana sekolah yang berjaya akan diberikan sijil dan dicalonkan untuk ke peringkat kebangsaan. Pemenang peringkat kebangsaan akan diiktiraf sebagai Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar.

**CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PERINGKAT KEBANGSAAN SEKOLAH LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR**



JAS - Jabatan Alam Sekitar  
KPM - Kementerian Pelajaran Malaysia

**CARTA ALIR PELAKSANAAN SEKOLAH LESTARI-  
ANUGERAH ALAM SEKITAR DI PERINGKAT SEKOLAH**



## **8.1. KRITERIA PENGANUGERAHAN**

Sekolah yang layak untuk menerima sijil dan dianugerah akan dinilai mengikut pencapaian di dalam tiga (3) komponen yang telah ditetapkan. Penunjuk Boleh Ukur (PBU) digunakan dalam proses penilaian pensijilan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (Lampiran 8).

## **9. KELESTARIAN SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Kelestarian program ini bergantung kepada iltizam dan penglibatan semua pihak dalam membudayakan amalan hidup lestari. Pembangunan keupayaan (kesedaran, kebolehan, kemahiran) secara berterusan memerlukan perancangan dan latihan strategik untuk memantapkan proses pelaksanaan, penilaian dan pemantauan. Jaringan dan sokongan pelbagai pihak dalam konteks perkongsian maklumat dan pengalaman, kewangan, dan infrastruktur adalah penting untuk memastikan kejayaan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar. Perincian kaedah pelaksanaan, pencalonan, pensijilan dan penganugerahan dinyatakan di dalam dokumen Garis Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar.

## **10. JAWATANKUASA KERJA PENYEDIAAN BUKU ASAS PEMBENTUKAN SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

**Pengerusi:**

Prof. Dr. Mazlin Bin Mokhtar

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

The background of the page is a collage of various images related to environmental education and community service. It includes a person in a yellow shirt, a group of people in a meeting, a group of children in school uniforms, a person in a white shirt working in a field, and a person in a white shirt working in a garden.

**Ahli-Ahli:**

Encik Patrick Tan Hock Chuan  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia

Encik Rosli Osman  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia

Puan Norliza Mohd Jannes  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia

Dr. Kartini bt. Baharun  
Bahagian Pendidikan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Encik Cyril Christopher Singham  
Bahagian Sekolah  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.M. Tengku Adnan Tengku Awang  
Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Cik Aizatul Adzwa Mohd Basri  
Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Puan Hajah Salmah Sheikh Brix  
Unit Kajian Sosial  
Maktab Perguruan Teknik  
Cheras, Kuala Lumpur



### PRINSIP-PRINSIP PEMBANGUNAN MAMPAN

Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Rio de Janeiro dari 3 hingga 14 Jun 1992 mengumumkan prinsip-prinsip berikut:-

#### Prinsip 1

Manusia menjadi fokus pembangunan mampan. Mereka berhak menikmati kehidupan yang sihat dan produktif serta harmoni dengan alam semula jadi.

#### Prinsip 2

Selaras dengan Perakuan Bangsa-bangsa Bersatu dan prinsip undang-undang antarabangsa, semua negara mempunyai hak sepenuhnya untuk memanfaatkan sumber-sumbernya untuk memantapkan polisi-polisi alam sekitar dan pembangunannya sendiri, dan bertanggungjawab memastikan bahawa aktiviti-aktiviti di bawah bidang kuasa dan kawalannya tidak menyebabkan kerosakan alam sekitar negara lain atau kawasan melampaui batasan bidang kuasa negaranya.

#### Prinsip 3

Hak untuk membangun mesti ditunaikan bagi memenuhi keperluan pembangunan dan alam sekitar yang saksama untuk generasi kini dan akan datang.

#### Prinsip 4

Untuk mencapai pembangunan mampan, perlindungan alam sekitar hendaklah mengandungi proses pembangunan yang terkamir dan tidak boleh dipertimbangkan secara berasingan.

#### Prinsip 5

Semua negara dan rakyat hendaklah bekerjasama membasmi kemiskinan sebagai suatu keperluan yang wajib untuk pembangunan mampan, dalam usaha mengurangkan perbezaan kualiti hidup dan memenuhi keperluan majoriti penduduk dunia dengan lebih baik.

## Prinsip 6

Keadaan dan keperluan-keperluan khas negara membangun, terutama negara kurang membangun dan terlalu terdedah kepada bahaya alam sekitar haruslah diberi keutamaan khusus. Tindakan-tindakan antarabangsa dalam bidang alam sekitar dan pembangunan hendaklah juga mengambilkira kepentingan dan keperluan semua negara.

## Prinsip 7

Setiap negara hendaklah bekerjasama dalam semangat perkongsian sedunia untuk memelihara, melindungi dan mengekalkan kesihatan dan integriti ekosistem bumi. Memandangkan sumbangan yang berbeza terhadap kemusnahan alam sekitar sedunia, negeri mempunyai tanggungjawab yang sealiran tetapi berlainan. Negara maju mesti memahami tanggungjawab yang mereka pikul dalam susulan antarabangsa mengenai pembangunan mampan memandangkan tekanan yang diberikan oleh rakyat mereka ke atas alam sekitar sedunia serta teknologi dan sumber kewangan yang mereka kuasai.

## Prinsip 8


Untuk mencapai pembangunan mampan dan kualiti hidup yang lebih baik untuk semua rakyat, negara hendaklah mengurangkan dan memberhentikan pola-pola pengeluaran dan kepenggunaan yang tidak mampan dan memajukan polisi-polisi demografi yang sesuai.

## Prinsip 9

Negara-negara hendaklah bekerjasama mengukuhkan keupayaan masyarakat terpinggir untuk pembangunan mampan dengan mempertingkatkan kefahaman saintifik melalui pertukaran pengetahuan saintifik dan teknologi, dan dengan mempertingkatkan pembangunan, penyesuaian, pengembangan dan pemindahan teknologi, termasuk teknologi baru dan inovatif.

## Prinsip 10

Isu alam sekitar sebaik-baiknya ditangani dengan penyertaan semua rakyat terkesan pada peringkat yang relevan. Pada peringkat kebangsaan, setiap



individu haruslah mempunyai akses yang sesuai kepada maklumat mengenai alam sekitar yang diwujudkan oleh pihak berkuasa awam, termasuk maklumat tentang bahan-bahan merbahaya dan aktiviti-aktiviti di dalam komuniti mereka dan peluang penglibatan mereka di dalam proses membuat keputusan. Negara hendaklah membantu dan menggalakkan kesedaran dan penglibatan awam dengan menyebarkan maklumat secara meluas. Akses yang berkesan kepada prosiding-prosiding perundangan dan pentadbiran, termasuk baikpulih dan pemulihan, hendaklah disediakan.

### Prinsip 11

Setiap negara hendaklah mempunyai perundangan alam sekitar yang berkesan. Standard alam sekitar, objektif serta keutamaan pengurusan perlu menggambarkan konteks alam sekitar dan pembangunan yang diamalkan. Standard yang digunakan oleh sesetengah negara mungkin tidak sesuai dan tidak menjamin kos ekonomi dan sosial kepada negara lain terutamanya negara membangun.

### Prinsip 12

Negara hendaklah bekerjasama memajukan suatu sistem ekonomi antarabangsa yang membina dan terbuka yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan mampan di dalam semua negara, untuk memberi tumpuan kepada masalah-masalah degradasi alam sekitar dengan lebih baik. Langkah-langkah polisi perdagangan untuk tujuan alam sekitar tidak harus dibuat secara arbitarari atau mengandungi diskriminasi yang tidak wajar atau halangan yang tersirat terhadap perdagangan antarabangsa. Tindakan-tindakan bersendirian untuk menghadapi cabaran-cabaran alam sekitar di luar bidang kuasa negara-negara pengimport hendaklah dielakkan. Langkah-langkah menghadapi masalah alam sekitar rentas sempadan atau global hendaklah, sebaik mungkin, berdasarkan kepada persetujuan antarabangsa.

### Prinsip 13

Negara hendaklah mewujudkan undang-undang kebangsaan berhubung tanggungjawab dan pampasan untuk mangsa-mangsa pencemaran dan

kerosakan alam sekitar lain. Negara juga hendaklah bekerjasama dengan cara yang lebih cepat, cekap dan mempunyai tekad yang tinggi untuk mewujudkan undang-undang antarabangsa berhubung tanggungjawab dan pampasan untuk kesan-kesan kerosakan alam sekitar disebabkan aktiviti-aktiviti di dalam bidang kuasa atau kawalan mereka terhadap kawasan-kawasan melampaui bidang kuasa mereka.

#### Prinsip 14

Negara hendaklah bekerjasama secara berkesan untuk menghalang atau mencegah penempatan semula dan perpindahan ke negara lain akan sebarang aktiviti atau bahan yang menyebabkan degredasi alam sekitar yang serius atau yang didapati merbahaya kepada kesihatan manusia.

#### Prinsip 15

Pendekatan yang berhati-hati secara meluas hendaklah digunakan untuk melindungi alam sekitar oleh setiap negara mengikut keupayaannya. Di mana terdapat ancaman kerosakan yang serius atau tidak mampu dipulihara, ketiadaan kepastian saintifik sepenuhnya tidak harus dijadikan sebab untuk menanggung langkah-langkah kos-efektif untuk mencegah degradasi alam sekitar.

#### Prinsip 16

Pihak berkuasa kebangsaan hendaklah berusaha menginternalisasikan kos-kos alam sekitar, memajukan kegunaan alat-alat ekonomi dan mengambilkira pendekatan di mana pencemar harus, pada dasarnya, menanggung kos pencemaran, demi untuk kepentingan awam dan bebas daripada ugutan perdagangan dan pelaburan antarabangsa.

#### Prinsip 17

Penilaian impak alam sekitar, sebagai suatu alat kebangsaan, hendaklah dijalankan bagi cadangan aktiviti-aktiviti yang berkemungkinan mempunyai impak yang bermakna terhadap alam sekitar dan tertakluk kepada keputusan pihak berkuasa kebangsaan yang berkeelayakan.

### Prinsip 18

Negara hendaklah segera memaklumkan negara-negara lain akan sebarang bencana tabii atau kecemasan lain yang berkemungkinan menghasilkan kesan-kesan merbahaya kepada alam sekitar negara berkenaan. Usaha-usaha hendaklah dilakukan oleh komuniti antarabangsa untuk membantu negara-negara yang menerima bencana.

### Prinsip 19

Negara hendaklah mengeluarkan makluman awal dan berjadual serta maklumat yang relavan kepada negara yang berpotensi terkesan oleh aktiviti-aktiviti yang mungkin memberi kesan alam sekitar rentas-sempadan dan hendaklah bersepakat dengan negara berkenaan pada peringkat awal dengan jujur dan ikhlas.

### Prinsip 20

Wanita mempunyai peranan penting dalam pengurusan alam sekitar dan pembangunan. Oleh itu, penglibatan penuh mereka adalah perlu untuk mencapai pembangunan mampan.

### Prinsip 21

Daya kreativiti, idea dan ketabahan belia dunia hendaklah digerakkan untuk membentuk suatu perkongsian global dalam usaha mencapai pembangunan mampan dan memastikan masa depan yang lebih baik untuk semua.

### Prinsip 22

Masyarakat terpinggir dan komuniti-komuniti mereka, dan komuniti-komuniti tempatan lain mempunyai peranan penting dalam pengurusan alam sekitar dan pembangunan disebabkan oleh pengetahuan dan amalan-amalan tradisional mereka. Negara hendaklah mengiktiraf dan dengan cara yang sesuai menyokong identiti, budaya dan kepentingan mereka dan membolehkan penglibatan berkesan mereka dalam mencapai pembangunan mampan.

### Prinsip 23

Alam sekitar dan sumber-sumber asli bagi rakyat yang tertindas, di bawah penguasaan dan rampasan hendaklah dilindungi.

### Prinsip 24

Peperangan sentiasa mengganggu dan membinasakan pembangunan mampan. Oleh itu, negara-negara hendaklah menghormati undang-undang antarabangsa yang melindungi alam sekitar semasa konflik peperangan dan bekerjasama untuk membangunkannya, jika perlu.

### Prinsip 25

Keamanan, pembangunan dan perlindungan alam sekitar adalah saling berhubungkait dan tidak boleh dipisahkan.

### Prinsip 26

Negara hendaklah menyelesaikan perbalahan alam sekitar secara aman dan dengan cara yang sesuai selaras dengan Perakuan Bangsa-bangsa Bersatu.

### Prinsip 27

Negara dan rakyat hendaklah bekerjasama dengan jujur berlandaskan semangat perkongsian dalam memenuhi prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Deklarasi ini dan dalam pembangunan selanjutnya undang-undang antarabangsa berhubung pembangunan mampan.

## **NILAI-NILAI MURNI ALAM SEKITAR**

Nilai-nilai murni berikut dikenalpasti sebagai nilai utama untuk disebar kepada pelajar dan orang awam.

### **1. Prinsip Rendah Diri**

Bumi bukanlah milik kita manusia, kita adalah sebahagian dari Bumi dan Alam (sekurang-kurangnya diri atau jasad kita yang fizikal ini adalah sebahagian daripada Alam).

### **2. Prinsip Bekerjasama**

Peranan kita ialah memahami alam tabii dan bekerja serta hidup dengan cara seiring jalan atau dengan cara yang berharmoni dengannya, dan bukan untuk menawan atau menjajahnya.

### **3. Prinsip Menghormati Alam atau Bumi**

Semua spesies mempunyai hak untuk hidup atau sekurang-kurangnya berjuang untuk hidup, oleh kerana ia juga makhluk yang dijadikan Tuhan. Hak mereka ini tidak bergantung kepada samada spesies tersebut 'berguna' atau tidak kepada manusia.

### **4. Prinsip Hidup Seimbang**

Perkara-perkara yang terbaik di dalam hidup bukan sahaja kebendaan, perasaan kebahagiaan perlu diambil kira.

### **5. Prinsip Mementingkan Kemampanan Ekosistem**

Sesuatu itu adalah baik apabila ia dapat mengekalkan keutuhan ekologi, keterusan dan kepelbagaian sistem-sistem yang menyara kehidupan di Bumi untuk kita dan hidupan-hidupan lain dan salah apabila ia mengakibatkan yang sebaliknya.

**6. Prinsip Mengekalkan Hidupan Liar dan Kepelbagaian Hidup atau Biodiversiti**

Amatlah salah bagi manusia mengakibatkan kepupusan mana-mana spesis liar serta menghapus dan mengdegradasikan habitat mereka.

**7. Prinsip Kerosakan Yang Minima**

Apabila kita terpaksa melakukan perubahan kepada Alam atau Bumi untuk memenuhi keperluan kita, kita mestilah memilih cara yang akan mengakibatkan kerosakan yang minima.

**8. Prinsip Perubahan Berterusan**

Sekiranya kita ingin melakukan perubahan kepada Alam atau Bumi, kita mestilah mengikut kadar dan cara yang sesuai dengan Alam atau Bumi.

**9. Prinsip Ekonomi Bukanlah Segala-galanya**

Amatlah salah sekiranya dianggap manusia dan benda-benda hidup sebagai tidak mempunyai sebarang nilai selain daripada nilai ekonomi.

**10. Prinsip Mengiktiraf Hak Mereka Yang Belum Lahir atau Hak Generasi Yang Akan Datang**

Kita harus meninggalkan Bumi dalam keadaan yang sama kalau tidak pun lebih baik lagi.

**11. Prinsip Tanggungjawab Setiap Individu**

Semua orang mestilah bertanggungjawab ke atas pencemaran dan degradasi alam sekitar yang diakibatkan olehnya. Membuang bahan cemar di tempat orang lain adalah seumpama kita meracuni orang yang mendiami tempat kita membuang bahan cemar itu.

**12. Prinsip Kesederhanaan**

Tiada individu, badan korporat ataupun negara mempunyai hak yang tidak terbatas ke atas sumber-sumber Alam atau Bumi yang terhad, jangan biarkan keperluan bertukar menjadi laba.

A vertical collage of images on the left side of the page. From top to bottom: a man in a white shirt and tie talking to a man in a yellow shirt; a person sitting at a desk in a classroom; a group of students in white uniforms sitting on the floor and waving; a person in a white shirt and cap working in a garden; and a person in a white shirt and cap working in a garden.

### 13. Prinsip Perlindungan dan Pemulihan Ekosistem

Kita mestilah melindungi ekosistem yang masih liar dan memperbaiki semula semua yang telah rosak.

### 14. Prinsip Etika Melebihi Hukum

Di dalam melindungi dan memastikan keteruswujudan Alam atau Bumi berbuatlah lebih daripada apa yang diminta oleh undang-undang.

### 15. Prinsip Mengalami dan Menghayati Adalah Yang paling Baik

Cintailah Alam atau Bumi dengan mengalami dan menghayati udara, air, tanah, tumbuhan dan haiwan-haiwannya.

### 16. Prinsip Cintakan Persekitaran

Kenalilah persekitaran kita.

## BAHAN PENERBITAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR




### Siri Modul Kem Kesedaran Alam Sekitar

Siri Modul Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1994. Antara objektif mengadakan KeKAS ini termasuklah :

- i) Memberikan pendedahan kepada peserta-peserta mengenai kepentingan kesedaran alam sekitar.
- ii) Membina sikap positif dan bertanggungjawab terhadap serta menyemai rasa kasih dan sayang terhadap alam persekitaran dan keindahan alam semula jadi.
- iii) Membentuk sikap dan kerjasama pelajar dalam pemuliharaan alam sekitar yang berterusan.
- iv) Membolehkan para peserta menikmati beberapa aktiviti rekreasi alam sekitar.

Siri ini terdiri daripada tujuh (7) modul iaitu:

- Ekosistem Bandar
- Ekosistem Tanah Tinggi
- Ekosistem Pinggir Pantai
- Ekosistem Ladang Kelapa Sawit
- Ekosistem Sungai
- Ekosistem Pertanian Organik
- Ekosistem Hutan



### Majalah ERA HIJAU

ERA HIJAU diterbitkan 4 kali setahun dan diedarkan ke sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia secara percuma. Setiap keluaran membincangkan isu-isu alam sekitar dan mudah difahami oleh golongan pelajar.



### Risalah Bumi Kita

Risalah dwibahasa ini mengandungi 7 tajuk kecil yang berbeza, iaitu:

- Hujan Asid (Acid Rain)
- Pencemaran Air (Water Pollution)
- Pencemaran Udara (Air Pollution)
- Hutan Rimba (Forest)
- Tanah Bencah (Wetlands)
- Tanah Runtuh (Soil Erosion)
- Bijak Memakai Alam Permai (Waste Wise)



## Risalah Amalan Hijau

Risalah ini memberikan tip amalan bagi mengurangkan pembaziran tenaga, wang ringgit dan masa serta mengelakkan pembaziran sumber dan mengurangkan penghasilan sisa pepejal. Risalah Amalan Hijau dikategorikan kepada:

- Amalan Hijau di Sekolah
- Amalan Hijau di Rumah
- Amalan Hijau di Pejabat




## Risalah-Risalah Lain :

- Pembakaran Terbuka
- Kesan-Kesan Pencemaran Udara
- Hentikan Pembakaran Terbuka
- Penjagaan Kualiti Udara Kita
- Jerebu
- "Air Pollution Index"



### Poster-Poster Alam Sekitar:

- Kitaran Air
- Pencemaran Air
- Pencemaran Bunyi
- Pencemaran Udara
- Pencemaran Marin



### Bahan-Bahan Bacaan Lain:

- Buku *Siri Kenali Alam Sekitar Pertama* (Mengandungi cerpen-cerpen yang pernah memenangi pertandingan menulis cerpen bertemakan alam sekitar 1995)
- Buku *Siri Kenali Alam Sekitar Kedua* (Mengandungi novel-novel yang pernah memenangi pertandingan menulis cerpen bertemakan alam sekitar 1998)
- Buku *Alam Sekitar Anugerah Tuhan*
- Buku *The Environment - A Gift of God*
- Buku *Agenda 21 - Versi kanak-Kanak*
- Indeks Pencemaran Udara
- IMPAK



### Bahan-Bahan Audio-Visual:

- CD Kompilasi Lagu-Lagu Alam Sekitar
- CD Siri Animasi Alam Sekitar
- Video Klip "Dayung Anak Alam"

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai bahan terbitan Jabatan Alam Sekitar, sila hubungi :

Ketua Pengarah Alam Sekitar  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar  
Tingkat 3 - 7, Blok C4, Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62662 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Bahagian Komunikasi Strategik)  
Tel. : 03-88858200 / Faks. : 03-88891042  
[www.jas.sains.my](http://www.jas.sains.my)

## AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR UNTUK PELAJAR SEKOLAH




### i. Projek Wira Alam

Projek ini telah dilancarkan oleh Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia dan Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada 5 Jun 1998 bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia. Projek ini merupakan anjuran Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengiktiraf para pelajar yang aktif dalam usaha perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Projek ini mengandungi tiga buku aktiviti dan satu buku panduan yang dibekalkan secara berperingkat kepada para peserta. Setiap peserta perlu melepasi setiap tahap yang ditetapkan untuk mendapatkan hadiah yang disediakan iaitu:-

- Wira Alam Diri (Tahap 1)
- Wira Alam Komuniti (Tahap 2)
- Wira Alam (Tahap 3)

Sila hubungi urusetia bagi mendapatkan senaskah buku panduan Projek Wira Alam untuk mengetahui kaedah pelaksanaan projek dan hadiah-hadiah yang menanti para peserta bagi setiap tahap:

Urusetia Projek Wira Alam  
Bahagian Komunikasi Strategik  
Tingkat 5, Blok C4, Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62662 PUTRAJAYA  
Tel. : 03-88858200  
Faks. : 03-88891042



## ii. Projek Riadah Alam Sekitar (PRIAS)

PRIAS merupakan suatu aktiviti kesedaran alam sekitar secara tidak formal anjuran bersama Persatuan Ahli-Ahli Sains Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang ditaja sepenuhnya oleh Tetra Pak (M) Sdn. Bhd.

Projek ini memerlukan para pelajar membuat kajian/siasatan mengenai isu/pemmasalahan semasa alam sekitar di sekitar sekolah atau mana-mana komuniti berdekatan.

Pertandingan yang mempunyai tema yang berlainan pada setiap tahun ini terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah (Tingkatan 3 - 5) secara berkumpulan (dua hingga empat orang). Hadiah wang tunai RM2,500.00 dan sijil diberikan kepada pemenang pertama.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai pertandingan PRIAS ini sila hubungi pejabat JAS Negeri atau Ibu Pejabat :

Ketua Pengarah Alam Sekitar  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar  
Tingkat 3 - 7, Blok C4, Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62662 PUTRAJAYA**

( u.p.: Bahagian Komunikasi Strategik)

Tel. : 03-88858200

Faks. : 03-88891042

[www.jas.sains.my](http://www.jas.sains.my)



### iii. Program Eco Youth

Anjuran bersama UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. dan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan objektif menyemai sifat cintakan alam sekitar pada kalangan generasi muda.

Program ini memberi peluang kepada para peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah menjalankan aktiviti berbentuk alam sekitar secara berkumpulan. Projek penyelesaian masalah atau isu alam sekitar di sekolah dilaksanakan dengan kaedah "Penyelesaian Masalah Kawalan Mutu" (*Quality Control Problem Solving Methodology*) dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Tiga peringkat aktiviti yang dijalankan ialah:

- a) Taklimat projek dan bengkel alam sekitar
- b) Perancangan dan pelaksanaan projek
- c) Konvensyen alam sekitar, pameran dan majlis penutup/penyampaian hadiah



### iv. Program KitS

Program Kitar Semula untuk Sekolah-Sekolah (KitS) adalah anjuran Alam Flora Sdn. Bhd. dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. Antara aktiviti yang dilakukan termasuk ceramah, demonstrasi pembuatan kertas, seminar, pertandingan dan pameran alam sekitar.

**v. Kuiz Sains Alam Semulajadi**

Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.

**vi. Program Penghijauan Sekolah**

Anjuran bersama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Japanese Chamber of Trade and Industry Malaysia (JACTIM).

**vii. Program "Renewable Energy and Energy Efficiency"**

Anjuran bersama Kementerian Pelajaran Malaysia, Centre for Training on Renewable Energy and Energy Efficiency (CETREE) dan Universiti Sains Malaysia.

**viii. Kem Penyelidikan Sains**

Anjuran bersama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

**xi. Program 3K**

Peningkatan Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar Sekolah (3K) anjuran bersama Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kumpulan Utusan Malaysia dan Tetra Pak (M) Sdn. Bhd.



*Pemenang PRIAS Menunjukkan Hasil Kerja Bertajuk 'Pencemaran Sungai' kepada mantan YB. Menteri Sains, Teknologi & Alam Sekitar, 2001*

## TARIKH DAN ACARA SAMBUTAN ALAM SEKITAR

Acara sambutan yang bertemakan alam sekitar untuk mempromosi kesedaran dan memupuk semangat berkerjasama pada kalangan pelbagai pihak dalam pemuliharaan alam sekitar. Antara sambutan tersebut ialah:-

Acara Sambutan	Tarikh
Hari Hutan Sedunia	21 Mac
Hari Air Sedunia	22 Mac
Hari Bumi	22 April
Hari Astronomi	6 Mei
Hari Alam Sekitar Sedunia	5 Jun
Hari Populasi Sedunia	12 Julai
Minggu Angkasa	16-24 Julai
Bulan Sains dan Teknologi	1 - 31 Julai
Hari Antarabangsa Untuk Orang Asli	9 Ogos
Hari Pembersihan Sedunia	15 - 17 September
Hari Ozon Antarabangsa	16 September
Hari Habitat Sedunia	6 Oktober
Hari Antarabangsa untuk Membasmi Kemiskinan	17 Oktober
Minggu Alam Sekitar Malaysia	21 - 27 Oktober
Hari Kepelbagaian Biologi Sedunia	29 Disember

**IKRAR ALAM SEKITAR**

Bahawa kami rakyat Malaysia  
Berikrar akan sentiasa berusaha  
Dengan penuh dedikasi  
Dan bertanggungjawab  
Untuk mengekal dan meningkatkan  
Kualiti alam sekitar  
Dengan memperseimbangkan  
Pembangunan negara  
Dan melindungi alam sekeliling kita  
Berdasarkan konsep  
Pembangunan berterusan  
Selaras dengan Deklarasi Langkawi  
Semoga negara  
Sentiasa bersih, indah  
Disayangi serta dihormati



**SENARAI ALAMAT JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI**

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Johor  
Aras 3, Bangunan Timjaya  
Km. 7, Jalan Skudai  
**81200 JOHOR BHARU**  
Tel. : 07-235 6041  
Faks. : 07-235 6071

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Kedah  
Aras 1, Menara Zakat  
Jalan Telok Wanjah  
**05200 ALOR SETAR**  
Tel. : 04-733 2832  
Faks. : 04-733 7530

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Kelantan  
Tingkat 4, Wisma Ilmu,  
Bangunan Tabung Haji  
Jalan Doktor  
**15000 KOTA BHARU**  
Tel. : 09-747 9010/12/13  
Faks. : 04-747 9014

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Melaka  
Tingkat 2, Bangunan Graha Maju  
Jalan Graha Maju  
**75300 MELAKA**  
Tel. : 06-284 7825/284 7839  
Faks. : 06-284 7845

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Selangor  
Tingkat 12-14, Wisma Masalam,  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C,  
Seksyen 9  
**40010 SHAH ALAM**  
Tel. : 03-5519 4787  
Faks. : 03-5519 4788

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Pahang  
Tingkat 4, Bangunan Asia Life  
Jalan Telok Sisek,  
**25662 KUANTAN**  
Tel. : 09-516 5211/516 4793  
Faks. : 09-516 2075

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Perak  
Tingkat 9, Bangunan Seri Kinta  
Jalan Sultan Idris Shah  
**30000 IPOH**  
Tel. : 05-253 4749/254 2744  
Faks. : 05-255 8595

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang  
Tingkat 5 & 6, Wisma Peladang  
Jalan Kampong Gajah  
**12000 BUTTERWORTH**  
Tel. : 04-333 4441  
Faks. : 04-331 6078

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan  
Tingkat 2-2 & 2-3  
Wisma Arab Malaysia Business Centre  
Jalan Pasar,  
**70000 SEREMBAN**  
Tel. : 06-764 9017/18  
Faks. : 06-764 9019

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan  
Tingkat 1, Wisma SCA  
No.3, Jalan Sungai Besi  
**57100 WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR**  
Tel. : 03-9221 5543  
Faks. : 03-9221 6437

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Sabah  
Tingkat 5, Menara MAA  
Lorong Api-Api 1  
**88000 KOTA KINABALU  
SABAH**  
Tel. : 088-250 122/250 123  
Faks. : 088-241 170

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan  
Tingkat 4, Blok 4 Kompleks Ujana Kewangan  
**87007 WP LABUAN**  
Tel. : 087-408 772  
Faks. : 087-408 774

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Terengganu  
Tingkat 9, Menara Yayasan Islam  
Terengganu  
Jalan Sultan Omar  
**20300 KUALA TERENGGANU**  
Tel. : 09-626 1044  
Faks. : 09-622 6877

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Perlis  
Tingkat 2, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi  
**10000 KANGAR**  
Tel. : 04-979 3100  
Faks. : 04-977 2822

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Sarawak  
Tingkat 7- 9, Bangunan Wisma STA  
No 26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim  
**93450 KUCHING  
SARAWAK**  
Tel. : 082-482 535  
Faks. : 082-480 863

**JADUAL 1: KOMPONEN DAN PENUNJUK BOLEH UKUR UNTUK PENILAIAN SEKOLAH LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR**

KOMPONEN	PENUNJUK BOLEH UKUR SEKOLAH LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR
PENGURUSAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Misi Sekolah Lestari:               <ul style="list-style-type: none"> <li>o Wujud unsur alam sekitar di dalam misi.</li> </ul> </li>   <li>• Organisasi Sekolah Lestari:               <ul style="list-style-type: none"> <li>o Mewujudkan Jawatankuasa Penyelaras berunsur Sekolah Lestari.</li> <li>o Keahlian Jawatankuasa Penyelaras terdiri daripada pentadbir, ahli PIBG, guru, staf sokongan dan wakil pelajar.</li> <li>o Kekerapan mengadakan mesyuarat.</li> <li>o Mempunyai fail dan minit mesyuarat.</li> </ul> </li>   <li>• Strategi dan Pelan Tindakan Pelaksanaan.               <ul style="list-style-type: none"> <li>o Perancangan Program dan Aktiviti:                   <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Penganjuran program kefahaman dan kesedaran.</li> <li>■ Menyebarkan mesej alam sekitar dalam perhimpunan dan papan kenyataan.</li> <li>■ Kandungan, Kaedah dan Rujukan.</li> <li>■ Mengadakan dan mengimplementasikan peraturan sekolah yang berkaitan dengan alam sekitar.</li> <li>■ Memberi pengiktirafan kepada individu atau kumpulan yang menyumbang dan terlibat secara aktif dalam melaksanakan program pendidikan alam sekitar.</li> </ul> </li> <li>o Prasarana Pembelajaran:                   <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Ruang prasarana pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah.</li> <li>■ Sistem pembangunan maklumat alam sekitar.</li> </ul> </li> <li>o Bajet Sekolah Lestari:                   <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Sumber dan penajaan kewangan.</li> <li>■ Penyediaan belanjawan.</li> <li>■ Pelaporan kewangan.</li> </ul> </li> <li>o Pembentukan Jaringan Bersama Pihak Berkepentingan:                   <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Mewujudkan hubungan dan kerjasama dengan pihak berkepentingan di luar sekolah untuk melaksanakan program pendidikan alam sekitar.</li> <li>■ Merancang aktiviti penyebaran dan perkongsian maklumat dan nilai murni alam sekitar kepada masyarakat setempat untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar.</li> </ul> </li> </ul> </li>   <li>• Sistem Pemantauan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>o Mempunyai kaedah tersendiri untuk memantau pelaksanaan strategi dan pelan tindakan.</li> <li>o Membangunkan sistem audit dalaman berdasarkan kaedah penilaian yang ditetapkan.</li> </ul> </li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Pelaporan. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Menyediakan laporan kemajuan program dan aktiviti.</li> <li>o Memajukan laporan kepada Jawatankuasa Penilai Peringkat Negeri.</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>KURIKULUM</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengajaran dan Pembelajaran. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Kajian Soal Selidik Kajian pelajar sekolah.</li> </ul> </li> <li>• Pembangunan keupayaan guru. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Penglibatan dan penganjuran program / bengkel / seminar untuk mendedahkan pendidikan alam sekitar kepada guru. (Komponen ini tidak dinilai untuk penganugerahan)</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>KOKURIKULUM</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti dan Projek Penghijauan oleh kelab dan persatuan selain daripada kelab persatuan alam sekitar. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Pengakap, kadet, PBSM, kelab komputer dan sebagainya.</li> </ul> </li> <li>• Projek Kesedaran. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Gotong Royong.</li> <li>o Bantuan masyarakat.</li> <li>o Seminar.</li> <li>o Ceramah.</li> <li>o Sambutan Hari Alam Sekitar / Hari Bumi.</li> <li>o Pameran.</li> <li>o Program Taman Angkat.</li> <li>o Program Kitar Semula : <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Minggu Baik-pulih.</li> <li>■ Hari Kitar Semula.</li> </ul> </li> <li>o Menganjurkan Permainan atau Sukan bertemakan alam sekitar seperti Larian Hijau, <i>Enviro-Hunt</i>, <i>Enviro-Walk</i> dan <i>Enviro-Bike</i>.</li> <li>o Penglibatan kelab dan persatuan dalam aktiviti dan projek.</li> </ul> </li> <li>• Pembangunan Maklumat Alam Sekitar. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Sudut maklumat.</li> <li>o Bahan rujukan, multimedia dan tapak web.</li> </ul> </li> <li>• Jaringan. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Antara kelab dan persatuan di sekolah.</li> <li>o Antara sekolah-sekolah.</li> <li>o Antara sekolah dan komuniti setempat.</li> <li>o Peringkat antarabangsa.</li> </ul> </li> <li>• Pembangunan Keupayaan. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Lawatan sambil belajar.</li> <li>o Perkhemahan/Ekspedisi/Kembara ke tempat yang bercirikan alam semulajadi.</li> <li>o Ceramah / Bengkel / Seminar/ Latihan kepada pelajar, guru dan kakitangan.</li> <li>o Penyertaan Pertandingan seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Debat alam sekitar.</li> <li>■ Drama.</li> <li>■ Puisi.</li> <li>■ Lukisan.</li> <li>■ Esei dan sebagainya.</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Pelaporan . <ul style="list-style-type: none"> <li>o Borang laporan.</li> <li>o Papan makluman.</li> <li>o Laporan tahunan dalam bentuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Kertas; atau/dan</li> <li>■ Laman web; atau/dan</li> <li>■ Multimedia.</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>
<p>PENGIJAUAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Strategi dan Pelan Tindakan Penghijauan. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Strategi.</li> <li>o Pelan tindakan.</li> <li>o Pelaksanaan.</li> <li>o Hasil.</li> </ul> </li> <li>• Sistem Pengurusan Taman. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Sumber manusia.</li> <li>o Pelan pengurusan.</li> <li>o Jadual bertugas.</li> <li>o Tatacara pengurusan.</li> <li>o Pemantauan kesihatan habitat taman.</li> </ul> </li> <li>• Rekabentuk Taman. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Keadaan lanskap taman.</li> <li>o Kebersihan taman.</li> <li>o Susun atur taman.</li> </ul> </li> <li>• Proses Implementasi penghijauan seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>o Program penanaman menggunakan baja organik.</li> <li>o Program satu pelajar satu pokok.</li> <li>o Program penanaman, pemeliharaan dan pemuliharaan spesies pokok-pokok yang tertentu.</li> <li>o Melabelkan nama-nama saintifik dan tempatan pokok.</li> <li>o Projek membuat baja kompos.</li> <li>o Penubuhan Stesen Pembelajaran.</li> <li>o Penyelenggaraan Kawasan Padang.</li> </ul> </li> <li>• Pengurusan sumber ke arah meningkatkan kecekapan dan penjimatan penggunaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>o Air.</li> <li>o Tenaga elektrik.</li> <li>o Bahan pakai habis seperti kertas, dakwat pencetak.</li> <li>o Sisa pejabat, bilik darjah, kantin, makmal dan bengkel.</li> <li>o Saranan penjimatan melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Notis.</li> <li>■ Papan kenyataan.</li> <li>■ Poster.</li> <li>■ Pengumuman.</li> </ul> </li> </ul> </li> <li>• Pemantapan sikap guru, pelajar dan kakitangan sekolah terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penganjuran latihan di sekolah berkaitan alam sekitar.</li> <li>• Penganjuran aktiviti seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>o Debat.</li> <li>o Puisi.</li> <li>o Drama dan sebagainya.</li> </ul> </li> <li>• Penggunaan produk dan teknologi hijau seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>o Sistem pengumpulan air hujan.</li> <li>o Alat tenaga solar.</li> <li>o Baja organik.</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>KEJAYAAN DAN PENGANUGERAHAN</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengiktirafan dan kejayaan sekolah dalam pelbagai bidang berkaitan alam sekitar. <ul style="list-style-type: none"> <li>o Peringkat daerah.</li> <li>o Peringkat negeri.</li> <li>o Peringkat kebangsaan.</li> <li>o Peringkat antarabangsa.</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>ELEMEN KHAS</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Markah bonus diberikan kepada kreativiti, keunikan dan iltizam sekolah.</li> <li>• Sekolah melakukan sesuatu atau projek atas inovasi dan inisiatif sendiri yang mendatangkan faedah kepada sekolah dan komuniti setempat.</li> </ul>

**Nota:**

Sekolah Rendah dan Menengah yang layak akan diberikan sijil dan anugerah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk pensijilan dan penganugerahan di peringkat Negeri dan Kebangsaan.